



# Ucuptama Tahunan Naib Canselor 2010

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bukan sahaja bertanggungjawab membangunkan potensi akal pelajar UniMAP namun turut mendidik aspek jiwa, rohani dan akhlak mereka.

Menurut Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, UniMAP sebagai institusi pengajian tidak sewajarnya memandang remeh aspek pembangunan jasmani dan sosial para pelajar IPT tersebut.



"Kita tidak mahu apabila anak-anak didik kita yang menjadi jurutera atau ahli perniagaan berjaya tetapi pada masa yang sama, mereka jugalah yang menjadi punca runtuhnya sistem ekologi tamadun tinggi bangsa dan negara dalam semua aspek yang membinanya," tegas Dato' Kamarudin dalam ucuptamanya yang diadakan di Dewan 2020 pada 24 Februari lalu.



Dengan tema, 'Menyangga Agenda Perubahan dan Inovasi', Dato' Kamarudin yang menyifatkan UniMAP sebagai institusi yang berorientasikan perkhidmatan menyeru semua warga UniMAP berfikir positif dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan atau klien dalaman dan luaran.



"Dalam dunia perniagaan terbukti bahawa pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, akan datang semula membeli perkhidmatan yang ditawarkan berulang-ulang kali selagi mereka tidak berjumpa dengan perkhidmatan yang lebih berkualiti atau mengatasi nilai yang dibayar mereka," katanya.

Tambahnya lagi, bagi memastikan pelanggan atau klien berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, semua PTj perlu mengukur pencapaian piagam pelanggan yang dipaparkan di pejabat masing-masing.

Malah, laporan pencapaian itu hendaklah dijadikan agenda mesyuarat PTj dalam enam bulan sekali supaya setiap anggotanya dapat mengesan sama ada perkhidmatan yang diberi berorientasikan klien atau sebaliknya.





***“Sementara menunggu mereka berupaya berbahasa Melayu, apa salahnya kita menggunakan bahasa antarabangsa untuk memenangi hati mereka dan saya yakin Pusat Bahasa dan Hubungan Antarabangsa kita sentiasa bersedia membantu dan saya berharap anda bersikap proaktif untuk meningkatkan daya saing individu dan organisasi,”***

Beliau dalam ucaptamanya turut menasihati warga UniMAP untuk keluar dari zon selesa yang disifatkannya berbahaya dan terus meningkatkan produktiviti secara keseluruhan bukannya perseorangan bagi memastikan ekonomi Negara dapat tumbuh dengan pesatnya.

“Rasa selesa ini, pada pemerhatian saya, boleh berlaku pada sesiapa dan bila-bila sahaja dan mereka ini hanya ringan tulang sebelum mendapat sesuatu yang dihajatnya, namun setelah mendapat apa jua hajat di hati, mereka mula relaks atau mula membuat sesuatu yang lain sehingga terganggu tugas hakikinya,”katanya.

Tambahnya lagi, cabaran dan tuntutan semasa semakin mendesak supaya setiap warga universiti berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan jika ini meningkat barulah ekonomi negara dapat tumbuh di luar jangkaan.

Beliau juga turut menyarankan agar warga UniMAP untuk bersikap adaptif atau mudah menyesuaikan diri dengan pola-pola perubahan lokal dan global kerana UniMAP sudahpun mempunyai penuntut antarabangsa dari pelbagai Negara antaranya dari China, Iraq, Indonesia dan sebagainya.

“Sementara menunggu mereka berupaya berbahasa Melayu, apa salahnya kita menggunakan bahasa antarabangsa untuk memenangi hati mereka dan saya yakin Pusat Bahasa dan Hubungan Antarabangsa kita sentiasa bersedia membantu dan saya berharap anda bersikap proaktif untuk meningkatkan daya saing individu dan organisasi,” ujar Dato' Kamarudin.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan dua laman web iaitu laman web Antarabangsa UniMAP dan laman web Kualiti UniMAP (eQdoc).

Laman web Antarabangsa UniMAP diilhamkan sendiri oleh Naib Canselor bagi mempelbagaikan versi laman web rasmi UniMAP yang asalnya dalam Bahasa Melayu dan ditambah kepada bahasa Inggeris, Arab, Thai dan Mandarin. “Fasa pertama laman web telahpun bermula pada Jun 2009 dan ini merupakan inisiatif bagi membolehkan lebih ramai calon pelajar antarabangsa mengakses dan mendapat informasi terkini mengenai UniMAP sekaligus menarik minat pelajar antarabangsa dan ahli akademik untuk menyambung pelajaran serta mengembangkan kerjaya di sini” katanya.

Menurut beliau, dengan kemasukan pelajar antarabangsa akan menjadikan UniMAP lebih dikenali sejajar dengan hasrat universiti untuk mengantarabangsakan UniMAP agar boleh diterima ke seluruh dunia.

Manakala bagi laman web Kualiti UniMAP (eQdoc) pula ialah sistem pengendalian dokumen kualiti untuk dibaca, disemak, dan dicetak oleh semua staf.

“Sistem ini memberi ruang kepada semua staf UniMAP untuk berinteraksi secara maya untuk memantapkan sistem pengurusan dokumen kualiti di UniMAP sekaligus dapat menjimatkan kos penggunaan kertas dan kos logistik,”ulasnya. Beliau turut melahirkan hasrat agar semua kakitangan universiti terbabit komited untuk mengakses dan memanfaatkannya supaya bersama-sama dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti di UniMAP.

